

Application of the *Syakhsiyyah al-Surah* Concept in Surah Al-Baqarah Based On Sayyid's Qutb Point of Views

Aplikasi Konsep syakhsiyyah Al-Surah Dalam Surah Al-Baqarah Berdasarkan Pendapat Sayyid Qutb

Husna Husain*, Wahibah Hj. Tahir@Twahir

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: husnahusain@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

The term *syakhsiyyah al-surah* is a new term used by tafsir scholars of the 20th century especially Sayyid Qutb. This term is considered as a development of the theory of *nazm* of the Quran and coherence in the Quran which actually gives rise to other terms such as *al-wihdah al-maudhu'iyah*, *mihwar*, *'amud* and so forth. This article aims to identify the meaning of the term *syakhsiyyah al-surah* which is meant by Sayyid Qutb through an in-depth observation on the interpretation of the Tafsir fi Zilal al-Quran, as well as the application of this term in surah al-Baqarah as an example and further explanation. This study was conducted using a qualitative study, where all data information from primary and secondary sources was scrutinized and analyzed by taking an inductive approach. The study finds that the term *syakhsiyyah al-surah* is slightly different from other terms and is able to give an overview and better understanding of the Qur'anic verse.

Keywords: *Syakhsiyyah al-surah*, coherence in the Quran, surah al-Baqarah, Sayyid Qutb, thematic exegesis.

Abstrak

Istilah *syakhsiyyah al-surah* adalah istilah baru yang digunakan oleh para ulama tafsir abad ke-20 khususnya Sayyid Qutb. Istilah ini adalah pengembangan dari teori *nazm al-Quran* dan ilmu *munasabat* yang sebenarnya turut melahirkan istilah-istilah yang lain seperti *al-wihdah al-maudhu'iyah*, *mihwar*, *'amud* dan sebagainya. Kajian ini bertujuan mengenalpasti maksud sebenar istilah ini yang dimaksudkan oleh Sayyid Qutb melalui karyanya *Tafsir fi Zilal al-Quran*. Artikel ini turut menjelaskan aplikasi istilah ini dalam surah al-Baqarah sebagai contoh dan penjelasan lanjut. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya, di mana segala informasi data dari sumber-sumber primer dan sekunder diteliti dan dianalisa dengan mengambil pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa istilah *syakhsiyyah al-surah* sedikit berbeza dengan istilah yang lain dan mampu memberi gambaran umum kepada pembaca tentang sesuatu surah al-Quran. Pendekatan ini akan memudahkan pembaca memahami isi kandungan al-Quran dengan lebih jelas.

Kata kunci: *Syakhsiyyah al-surah*; ilmu munasabat; surah al-Baqarah; Sayyid Qutb, tafsir tematik.

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Istilah *syakhsiyyah al-surah* adalah istilah baru yang digunakan oleh para ulama tafsir abad ke-20 seperti Rashid Redha (1999), Sayyid Qutb (2004), dan Sa'id Hawwa (1989). Walau bagaimanapun, asal dan asas kepada istilah ini sebenarnya berkait dengan tafsir *maudhu'iy* berdasarkan surah, yang memiliki hubungan dengan teori *nazm al-Quran*, ilmu *munasabat* dan konsep kesatuan tema atau *al-wihdah al-maudhu'iyah*.

Istilah *syakhsiyyah al-surah* ini adalah hasil dari perkembangan teori *nazm al-Quran* yang mula diketengahkan secara jelas oleh Abdul Qahir al-Jurjani (M. 471H). Walau bagaimanapun terdapat ulama sebelum beliau yang telah menyebut tentang perkara ini seperti al-Khattabi (M. 388H) dan al-Baqilani (M. 403H) secara ringkas (Fadhl Hassan Abbas, 2009, h.64). Kemudian teori ini mengalami perkembangan dengan bertumbuhnya perbincangan tentang ilmu munasabat pada awal abad ke-4H yang dipelopori oleh Abu Bakr Abd Allah bin Muhammad Ziyad al-Naisaburi (M 324H). Ilmu ini berkembang melalui dua cara; iaitu pertamanya melalui penulisan khusus tentang ilmu munasabat, dan yang keduanya adalah aplikasi munasabat dalam pentafsiran al-Quran secara *tahlili*. Berikut adalah para mufassir yang mengaplikasikan kaedah tematik ini dalam tafsir mereka (Abdullah al-Khatib, Mustafa Muslim, 2005);

1. Muhammad bin Abdullah al-Khatibal-Iskafi (M 420H) dalam tafsirnya *Durrah al-Tanzil wa Ghurrah al-Takwil fi Bayan al-Ayat al-Mutasyabihat fi Kitabillah al-'Aziz*,
2. Al-Karmani (M 505H) dalam tafsirnya *Gharaib al-Tafsir wa 'Ajaib al-Takwil*.
3. Al-Zamakhsyari (M 538H) dalam tafsirnya *al-Kassyaf*.
4. Abu al-Hassan 'Ali bin Ahmad al-Tajibi (M638H) dalam tafsirnya *Miftah al-Bab al-Muqaffal li Fahm al-Quran al-Munazzal*.
5. Fakhruddin al-Razi (M606H) dalam tafsirnya, *Tafsir Mafatih al-Ghaib*.
6. Abu Jaafar al-Gharnati (M 708H) dalam tafsirnya *Malak al-Takwil al-Qati' bi zawi al-Ilhad wa al-Ta'til fi Taujih al-Mutasyabih al-Lafzi min Ayi al-Tanzil*.
7. Abu Hayyan al-Andalusi (M 745H) melalui tafsirnya *al-Bahr al-Muhit*.
8. Al-Biqā'iy (M. 885H) melalui tafsirnya *Nazm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar*, yang banyak mengambil faedah daripada tafsir Abu al-Hassan 'Ali bin Ahmad al-Tajibi (M638H).
9. Al-Suyuti (M. 911H) melalui tafsir *Qatf al-Azhar fi Kashf al-Asrar*.

Secara etimologi, perkataan (شخصية) merupakan kata terbitan atau *masdar* daripada perkataan (شخص) bermaksud keperibadian yang ditunjukkan di khalayak ramai (Ibn Manzur, 1992). Gabungan perkataan (شخصية) dan (السورة), membawa maksud penampilan tersendiri dan unik sesuatu surah dengan surah-surah yang lain. Ini bermakna setiap surah memiliki ciri-ciri yang tertentu kerana ayat-ayat al-Quran adalah kalam Allah yang memiliki mukjizat yang unik.

Dalam hal ini, pemerhatian mendalam dan terperinci terhadap isi kandungan dan huraian *Tafsir Fi Zilal al-Quran* dilakukan dengan mengenalpasti perkataan *syakhsyiyah al-surah* yang terdapat di dalam kitab ini. Di samping itu, analisis dilakukan untuk mengenal pasti perkara teras yang membina *syakhsyiyah al-surah* menurut tafsiran Sayyid Qutb. Justeru, setiap perkataan *syakhsyiyah al-surah* atau *syakhsyiyah* akan diamati maksud yang disampaikan oleh Sayyid Qutb. Dalam masa yang sama, setiap muqaddimah surah dalam kitab tafsir ini turut diteliti untuk mendapatkan makna istilah ini menurut pandangan Sayyid Qutb.

■2.0 KAJIAN LITERATUR

Skop kajian bidang ini sangat berkait rapat dengan beberapa cabang ilmu-ilmu al-Quran iaitu ilmu penurunan ayat al-Quran (*nuzul al-Quran*), ayat *makkiy* dan *madaniy*, sebab turun ayat (*sabab nuzul*) dan ilmu hubungan atau kaitan antara ayat dan antara surah di dalam al-Quran (*al-munasabat*) dan ilmu kemukjizatan al-Quran (*I'jaz al-quran*) khususnya berkaitan *I'jaz al-bayaniy*, maka karya-karya utama dalam setiap ilmu ini adalah asas atau sandaran kepada kajian ini. Antara karya-karya utama bidang ilmu-ilmu al-Quran yang membincangkan perkara ini antaranya kitab *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran* oleh al-Zarkasyi (meninggal dunia 794H), kitab *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran* oleh al-Suyuti (meninggal dunia 911H) dan kitab *Manahil al-'Irfan* oleh al-Zarqani (meninggal dunia 1367H). Juga terdapat kitab-kitab dalam bidang ini daripada ulama kontemporari seperti kitab *Mabahith fi 'Ulum al-Quran* oleh Subhi soleh, kitab *al-bayan fi Mabahith fi 'Ulum al-Quran* oleh Abdul Majid Ghazlan, kitab *al-Naba' al-'Azim* oleh Muhammad Abdullah Darraz dan kitab *mabahith fi 'Ulum al-Quran* oleh Manna' Qattan.

Selain itu, kitab-kitab rujukan dalam bidang *al-munasabat* juga sangat penting dalam kajian ini. Antaranya kitab *al-Burhan fi Munasabah Tartib Suwar al-al-Quran* oleh Abu Jaafar bin al-Zubayr (meninggal dunia), kitab *Nazm al-Durar fi Tanasub al-Aay wa al-Suwar* oleh al-Biqā'iy (meninggal dunia 885H), kitab *Tanasuq al-Quran fi Tanasub al-Suwar* oleh al-Suyuti (meninggal dunia 911H), dan kitab *Im'an al-Nazor fi Nizom al-Aay wa al-Suwar* oleh Dr Muhammad 'Inayatullah. Di samping itu kitab-kitab tafsir yang menyentuh tentang hubungan antara surah dan ayat-ayat di dalam karya mereka adalah seperti *Tafsir Mafatih al-Ghayb* oleh al-Razi (meninggal dunia 606H), kitab tafsir *al-Bahr al-Muhit* oleh Abu Hayyan (meninggal dunia 754H), kitab tafsir *Ruh al-Ma'ani* oleh al-Alusi (meninggal dunia 1270H), dan kitab tafsir *al-Manar* oleh Rasyid Redha (meninggal dunia 1935M). Manakala kitab tafsir *Fi Zilal al-Quran* oleh Sayyid Qutb (meninggal dunia 1966M) adalah merupakan kitab tafsir terawal yang mengaplikasikan dan banyak memperkatakan tentang ciri-ciri surah (*syakhsyiyah al-surah*) di dalam karya tafsirnya ini.

Selain itu, penyelidikan yang ada kaitan dengan tajuk ini seperti artikel Israr Ahmad Khan (2002) bertajuk *Coherence in The Quran: Principles and Applications*, yang membincangkan tentang justifikasi wujudnya kesinambungan dan kesatuan makna antara ayat-ayat al-Quran. Kajian ini turut mencadangkan beberapa prinsip asas sebagai alat untuk menentukan kaitan antara ayat-ayat al-Quran ini. Israr Ahmad Khan (2014) turut menulis artikel bertajuk *Identifying Preface In The Quranic Surah; A New Methodology Of Quranic Interpretation*, yang membincangkan keperluan memahami pendahuluan sesuatu surah sebagai alat utama untuk memahami teks al-Quran. Pendekatan ini merupakan jujuk daripada *tafsir maudhu'iy* berdasarkan nama surah. Mohd Hisyam Abdul Rahim (2013) melalui artikelnya *A New Study On Munasabat Al-Quran: From The Beauty To The Future*, menjelaskan kepentingan memahami kaitan (*munasabat*) antara ayat-ayat al-Quran dan surah-surah di dalamnya berserta contoh. Artikel ini turut menjelaskan prospek masa hadapan ilmu *munasabat* ini dalam membantu perkembangan ilmu tafsir al-Quran.

Mustansir Mir. (2013), dalam artikelnya bertajuk "*Continuity, Context, And Coherence In The Qur'an: A Brief Review Of The Idea Of Nazm In Tafsir Literature*" pula menyenaraikan pendekatan para ahli tafsir seperti Al-Tabari, Al-Razi, Al-Biqā'iy dan Al-Farahi dalam memahami dan mengaplikasikan konsep *nazm al-Quran* dan *munasabat* dalam karya tafsir mrereka. Perbincangan lebih kepada idea pemikiran tokoh terlibat tentang konsep yang dibincangkan berserta contoh.

Artikel ini menggabungkan antara pendahuluan surah dan kaitan ayat atau surah tadi (*munasabat*) untuk membentuk satu model yang menggambarkan ciri-ciri dan keunikan sesebuah surah al-Quran, berdasarkan pandangan ulama' yang terkehadapan dalam membincangkan perkara ini, antaranya Sayyid Qutb.

■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya, di mana penyelidik akan meneliti informasi data tanpa menggunakan data analisa data statistik. Dua peringkat penting dalam kajian ini iaitu peringkat pengumpulan data dan peringkat analisis data dinyatakan seterusnya.

1. Pengumpulan data.

Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan maklumat kajian berdasarkan sumber-sumber primer dan sumber-sumber sekunder. Sumber primer merujuk kepada kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab ulum al-Quran klasik dan kontemporari. Sumber primer pula seperti artikel-artikel dan laporan-laporan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk. Sumber-sumber ini akan diperolehi melalui laman-laman web jurnal yang diiktiraf serta perpustakaan-perpustakaan di universiti-universiti tempatan seperti UM dan UIAM.

2. Analisis data

Kesemua data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder akan dianalisis secara manual. Analisis data dilakukan secara induktif, iaitu kesimpulan atau kenyataan umum dilakukan berasaskan kepada penelitian kepada fakta-fakta yang bersifat khusus. Metod deduktif dilakukan selepas penelitian terhadap fakta-fakta yang bersifat umum dihuraikan secara lebih khusus apabila perbincangan menjurus kepada kes-kes tertentu yang boleh dikaitkan dengan fakta-fakta umum. Metod komparatif atau perbandingan dilakukan bagi membandingkan antara pendapat para ulama serta diteliti persamaan antara pendapat tersebut.

Bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk akan dibahagikan berdasarkan 5 kategori, iaitu waktu turunnya ayat, sebab turunnya ayat, tema utama dalam sesuatu surah, tema-tema kecil berdasarkan tertib ayat di dalam surah dan kaitannya dengan tema utama surah, serta keunikan tersendiri berkaitan surah. Maklumat setiap surah yang telah disusun berdasarkan kategori tadi dinilai dan dianalisa kerajihannya berdasarkan ketepatannya dengan 3 kaedah tafsir al-Quran iaitu tafsir dari sudut bahasa, tafsir berdasarkan dalil naqli dan tafsir berdasarkan akal yang rasional.

■4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep *Syakhsyiyah Al-Surah*

Menurut Sayyid Qutb, makna *syakhsyiyah al-surah* adalah lebih umum dan lebih luas berbanding konsep kesatuan tema atau *al-wihdah al-maudhu'iyah*, Beliau turut menyatakan bahawa setiap surah di dalam al-Quran memiliki sahsiah yang tersendiri. Konsep *al-wihdah al-maudhu'iyah* menurut beliau adalah setiap surah terdapat satu tema atau beberapa tema dan tema-tema tersebut diikat dalam satu *mehwar* ataupun tema kecil.

Sayyid Qutb memberikan perumpamaan bahawa surah-surah al-Quran adalah umpama manusia ciptaan Allah SWT yang dijadikan dengan keistimewaan dan watak tersendiri. Semua manusia secara umumnya memiliki persamaan dari sudut biologi sebagai manusia, tetapi memiliki kepelbagaian sifat dan watak antara satu sama lain (Sayyid Qutb, 2004, h.1243). Demikian juga surah-surah al-Quran yang hakikatnya setiap surah adalah ayat al-Quran namun mesej atau ibrah serta gaya persembahannya berbeza. Selain itu, terdapat beberapa tafsiran beliau yang menjadi hujah bahawa *syakhsyiyah al-surah* adalah berbeza dengan *al-wihdah al-maudhu'iyah*, iaitu:

i. "Dapat disimpulkan bagi mereka yang berada di bawah perlindungan al-Quran bahawa surah-surah al-Quran memiliki kesemuanya memiliki *syakhsyiyah* yang unik. *Syakhsyiyah* itu membina ruh yang hidup sepertimana manusia hidup bersama-sama yang masing-masing memiliki tanda, ciri dan jiwa yang khusus. Setiap surah pula terdapat satu tajuk utama atau lebih yang disebut juga dengan *mihwar* yang khas. Semua surah juga ada suasana khusus yang membina topik-topik (*maqta'*, serta *siyaq* (konteks) yang menggambarkan topik-topik tertentu daripada sudut pandang berbeza, serta susunan dan aturannya bersepadu dengan suasana khusus ini (Sayyid Qutb, 2004, h.27).

ii "Setiap surah memiliki *maudhu'* dan *ghayah*. Seterusnya ia memiliki ciri yang berlainan, kaedah penyampaian yang berbeza dan aspek khusus untuk menzahirkan sesuatu *maudhu'*, serta menyampaikan *matlamat* surah tersebut" (Sayyid Qutb, 2004, h.1243).

iii. "Maudhu' atau topik bukanlah yang menentukan *syakhsyiyah* sesuatu surah tetapi ia ditentukan oleh tanda dan ciri yang khusus dengan sesuatu surah." (Sayyid Qutb, 2004, h.27).

Pernyataan pertama dan kedua, menyatakan bahawa *syakhsyiyah al-surah* tidak sama dengan *al-wihdah al-maudhu'iyah*. Manakala pada pernyataan ketiga menunjukkan bahawa *al-wihdah al-maudhu'iyah* (*mihwar*) adalah sebahagian atau jujuk dari aspek yang membentuk *syakhsyiyah al-surah*.

Munasabat Antara Surah Dan Ayat Sebagai Teras Konsep Syakhsyiyah Al-Surah

Perkara penting dan teras yang membentuk *syakhsyiyah al-surah* adalah *munasabat* antara surah-surah dan *munasabat* antara ayat-ayat al-Quran. Pada muqaddimah surah Yunus beliau memberikan contoh dengan menyatakan persamaan tema antara surah al-An'am dan surah Yunus, di mana kedua-dua surah ini menyatakankan tentang kekuatan dan kepentingan aqidah Islam serta peranannya dalam menghadapi dan menanggapi kejahatan yang akhirnya berlaku penyelewengan terhadap aqidah, ibadah dan akhlak manusia. Walau bagaimanapun, perbezaan sahsiah antara kedua-dua surah ini adalah, gaya persembahan surah al-An'am kelihatan lebih tegas dan pergerakan mesejnya lebih pantas dan mendebarkan jiwa. Manakala surah Yunus dipenuhi dengan alunan lafaz dan kalimah yang lembut serta memberi ketenangan walaupun kedua-dua surah ini memiliki tema yang sama (Sayyid Qutb, 2004, h.1745-1746).

Contoh yang lain seperti surah al-A'raf iaitu surah selepas al-An'am mempunyai tema yang sama dengan surah Hud. Kedudukan surah Hud adalah selepas surah Yunus mengikut mashaf. *Al-wihdah al-maudhu'iyah* atau kesatuan tema yang sama antara kedua-dua surah al-A'raf dan surah Hud ini adalah tentang pergerakan dan penyebaran aqidah Islam serta kisah-kisah para anbiya' yang berhadapan

dengan kejahatan umat mereka. Menurut Sayyid Qutb kedua-dua surah ini memiliki gaya persembahan ayat, alunan dan nada bunyi yang sama (Sayyid Qutb, 2004, h.1745-1746). Contoh-contoh di atas menunjukkan bagaimana Sayyid Qutb menghubungkan munasabat antara tema surah-surah dan gaya persembahan dan penampilan surah yang berbeza untuk menzahirkan bahawa setiap surah memiliki sahshiah dan watak yang tertentu dan unik.

Jaww Al-Surah (Situasi Khusus Surah)

Perbincangan berkaitan perkara ini perlu difahami melalui dua aspek yang menghasilkan *jaww al-surah* atau suasana persekitaran surah ini. Pertama, *jaww al-surah* yang dibina melalui hubungan antara topik-topik dalam surah yang membentuk tema yang utama. Keduanya, *jaww al-surah* yang dibina melalui sebab turun ayat, di samping pengetahuan tentang ayat *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Secara jelasnya, mengetahui sebab turun sesuatu ayat serta ayat *makkiyyah* dan *madaniyyah* sesuatu ayat al-Quran adalah sangat penting dalam memberikan tafsiran terhadap sesuatu ayat al-Quran yang dibaca. Sayyid Qutb seolah-olah memberikan mesej bahawa dengan pengetahuan tentang kedua-dua perkara ini, pembaca akan turut mampu membawa gambaran situasi serta perasaan yang dialami oleh Rasulullah SAW dan para sahabat ketika itu. Di sinilah didapati bahawa adanya kaitan yang erat antara mesej yang hendak disampaikan dengan suasana sebenar yang berlaku ketika itu. Natiujahnya, kesepaduan ini menonjolkan sahshiah dan ciri-ciri tersendiri yang ada pada setiap surah. Contoh lain yang boleh dilihat pada muqaddimah surah Yusuf, Sayyid Qutb menyatakan bahawa surah Yusuf adalah satu surah yang memiliki ciri ayat *Makkiyyah* yang jelas. Ketika surah ini diturunkan, Baginda berada dalam keadaan keserongan lantaran kewafatan dua individu yang menyokong kuat Baginda selama ini iaitu isterinya Saidatina Khadijah RA dan bapa saudaranya Abu Talib. Kesedihan ini ditambah lagi dengan situasi para sahabat yang disiksa, dipulaukan dan menghadapi ujian hidup yang besar. Justeru, surah ini diturunkan bersesuaian dengan masa dan situasi semasa yang berlaku sebagai penguat semangat Nabi S.A.W dan para sahabat agar terus bertahan dan istiqamah dengan aqidah Islam sebagaimana ujian-ujian yang dihadapi oleh Nabi Yusuf A.S dalam surah tersebut (Sayyid Qutb, 2004, h.1950).

Iqa' Musiqiyy (Keserasian Nada)

Maksud *iqa' musiqiyy* atau nada irama ini berbeza dengan irama muzikal sebagaimana biasa difahami. Namun apa yang dimaksudkan adalah dalam dua keadaan berikut iaitu;

- i. Keserasian nada dan bunyi yang terhasil daripada pemilihan perkataan dan kedudukannya dalam ayat.
- ii. Pengulangan bunyi perkataan yang sama atau perkata yang memiliki huruf yang hampir sama.

Keistimewaan yang ada pada keindahan susunan dan perkataan yang ada pada al-Quran adalah suatu mukjizat yang sangat memberikan kesan mendalam kepada orang-orang Arab dalam kalangan musyrikin Mekah seperti al-Walid bin Mughirah dan lain-lain. Sehingga al-Walid mengatakan bahawa al-Quran itu adalah umpama sihir kerana penyusunan perkataan yang terdapat di dalamnya sangat luar biasa (Darraz, M.A, 2005, h.92).

Perkara ini telah ditimbulkan oleh Sayyid Qutb dalam bukunya *al-Taswir al-Fanniyy fi al-Quran*. Beliau menyatakan bahawa gaya bahasa al-Quran dan susunan perkataan-perkataannya adalah bebas dari pengaruh sajak dan keindahan bahasa yang lain yang terdapat dalam syair Arab. Tertib dan susunan perkataan dan gaya bahasa al-Quran juga tidak terikat dengan tujuan umum sajak dan syair Arab. Irama dan nada yang dihasilkan dari gaya bahasa al-Quran adalah jauh lebih baik dari syair atau sajak, kerana ia berbeza dari kedua-duanya (Sayyid Qutb, 1975, h.84). Sebagai contoh pendekatan Sayyid Qutb dalam menghubungkan *iqa' musiqiyy* atau nada irama bunyi ini dengan kesatuan tema surah adalah sebagaimana dinyatakan pada pendahuluan surah Ghafir ini.

"Suasana pertempuran antara haq dan batil itu jelas tergambar ketika dibentangkan ayat-ayat berkaitan kisah kehancuran orang-orang terdahulu, serta ketika ditayangkan gambaran-gambaran yang berlaku pada hari kiamat. Kisah-kisah tersebut dinyatakan berulang kali pada pelbagai tempat di dalam surah ini dan dipersembahkan dengan gambaran yang dahsyat lagi ngeri sesuai dengan suasana keseluruhan surah yang membawa ciri-ciri tersebut. Oleh itu surah ini dimulakan dengan kalimah tertentu yang menghasilkan nada bunyi irama khusus;

(غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ شَدِيدِ الْعِقَابِ ذِي الطَّوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَهِي الْمَصِيرِ)

Nada ayat-ayat ini bunyinya seperti ketukan tukul yang tetap dan teratur, sesuai dengan makna dari kata-kata ayat ini juga mendorong menguatkan lagi keserasian nada-nada itu. Begitu juga dengan kalimah (بَاسٌ) dinyatakan berulang-ulang di dalam surah ini. Terdapat juga perkataan-perkataan yang keras dan kuat yang lain dalam surah ini sama ada dari segi makna atau sebutannya" (Sayyid Qutb, 2004, h.3065).

Daripada contoh di atas menunjukkan bahawa maksud *iqa' musiqiyy* menurut Sayyid Qutb adalah salah satu unsur *al-I'jaz al-bayani* yang asasnya berkait dengan *nazm al-Quran*. *Nazm al-Quran* mengikut Al-Jurjani bermaksud susunan kalimah dalam sesuatu ayat, pemilihan kalimah yang tepat serta susunan ayat-ayat di dalam sesuatu surah yang menghasilkan keserasian dan menarik perhatian dan jiwa (Fadhl Hassan Abbas, 2010, h.240). Beliau menyatakan bahawa apabila struktur dalam perkataan berubah, maka makna yang ingin disampaikan juga turut berubah (Al-Jurjani, 2004, h.81).

Syakhsiyah Al-Surah Bagi Surah Al-Baqarah

Surah *al-Baqarah* adalah antara surah yang awal diturunkan selepas hijrah Nabi Muhammad S.A.W ke Madinah. Sebelum surah ini diturunkan, telah turun 85 surah *Makkiyyah* yang lain sebagaimana dinyatakan oleh Al-Zarkasyi (1957, 1/250). Abu 'Amru al-Dani (1994, h. 136) menyatakan bahawa selepas surah *al-Baqarah*, diturunkan pula surah *al-Anfal* seterusnya *Ali 'Imran*. Surah ini juga merupakan surah yang tidak diturunkan sekaligus, bahkan ia mengambil masa yang lama sehingga akhir hayat baginda Rasulullah S.A.W kerana padanya terdapat ayat yang dikatakan terakhir diturunkan iaitu ayat tentang riba (Sayyid Qutb, 2004, h. 27). Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada ayatnya diturunkan di peringkat awal selepas hijrah (Tariq Mustafa, 2007, h. 6).

Surah *al-Baqarah* dinamakan sedemikian kerana kisah tentang kaum Yahudi dengan lembu betina yang terdapat padanya. Kisah ini dinyatakan oleh Allah SWT bermula dari ayat 67 hingga ayat 74. Menurut Muhammad 'Ali al-Sabuniy (1999) dalam kitab tafsirnya yang tersohor iaitu *Safwat al-Tafasir* telah menjelaskan tujuan surah ini dinamakan dengan *al-Baqarah* atau lembu betina adalah untuk menjelaskan mukjizat yang berlaku pada zaman Nabi Musa A.S. Pada zaman itu, seorang lelaki dalam kalangan Bani Israil telah dibunuh, namun pembunuhnya tidak diketahui. Setelah mereka mengadakan pembunuhan ini kepada Nabi Musa A.S., Allah S.W.T telah mewahyukan kepada Baginda agar mengarahkan mereka iaitu Bani Israil untuk menyembelih seekor sapi atau lembu betina. Lalu Baginda memukul mayat itu dengan sebahagian anggota lembu tadi. Dengan izin Allah SWT, mayat itu hidup semula dan memberitahu kepada mereka siapakah pembunuhnya yang sebenar.

Surah *al-Baqarah* turut dinamakan dengan *Fustat al-Quran* dan *Sinam al-Quran* yang bermakna puncak al-Quran kerana kepentingan surah ini yang sarat memuatkan hukum hakam yang tidak dinyatakan dalam surah yang lain (Tariq Mustafa, 2007, h. 6). Oleh sebab itu, beberapa ulama telah menyatakan bahawa surah ini terdiri dari seribu perintah, seribu larangan dan seribu pemberitahuan.

Kesatuan Tema Surah Al-Baqarah

Di dalam kitab tafsir *Fi Zilal al-Quran*, Sayyid Qutb telah menjelaskan bahawa surah *al-Baqarah* ini mengandungi pelbagai topik, namun kesemuanya dihubungkan oleh paksi yang terdiri dari dua tema yang saling berkaitan. Tema pertama ialah, gambaran jelas akan pendirian Bani Israil iaitu orang Yahudi terhadap Rasulullah SAW dan Islam di Madinah, khususnya penentangan dan pembelotan mereka terhadap Baginda S.A.W dan masyarakat Islam ketika itu. Tema kedua pula, adalah tentang pendirian masyarakat Islam pada fasa permulaan dan persediaan untuk memikul amanah dakwah dan khilafah di muka bumi ini (Sayyid Qutb, 2004, h. 28).

Tema pertama dihuraikan melalui bahagian awal surah sehingga ayat 142. Manakala ayat-ayat selepasnya berkait dengan tema yang kedua. Pembahagian 2 tema oleh Sayyid Qutb ini dilihat lebih umum dan merangkumi kepelbagai topik yang terdapat dalam surah ini. Pada bahagian awal surah, selepas Allah S.W.T menerangkan kedudukan al-Quran serta sifat-sifat orang yang bertaqwa secara ringkas, fokus ayat selepasnya terus tertumpu pada golongan-golongan penentang Islam iaitu golongan munafiq, Yahudi dan Nasrani.

Selepas ayat *istikhlaf* iaitu pernyataan Allah bahawa Adam A.S adalah khalifah di muka bumi ini, Allah Taala memaparkan dengan panjang lebar kisah bani Israil serta sifat-sifat mereka. Allah Taala menggambarkan sifat bani Israil ini sebagai persediaan buat Rasulullah S.A.W yang bakal berhadapan dengan kerendah dan penentangan mereka nanti. Bani Israil adalah kaum yang memiliki kelebihan ilmu, namun degil dan merupakan yang awal kufur kepada Allah Taala. Mereka juga sering memutarbelitkan antara yang haq dan batil semata-mata untuk membenarkan kebatilan dakwaan mereka dan mengingkari kerasulan Nabi S.A.W. Sifat-sifat mereka inilah yang menjadi sandaran oleh golongan munafiq serta galakan kepada kaum musyrik untuk terus menentang dakwah baginda (Sayyid Qutb, 2004, h. 34). Situasi ini bahkan berterusan sehingga kini, dan inilah inzar atau peringatan yang Allah sampaikan melalui ayat-ayat ini.

Huraian tentang bani Israil ini berakhir dengan keterangan Allah tentang Nabi Ibrahim, yang menunjukkan bahawa pewaris sebenar baginda adalah mereka yang mengikuti dan berterusan memikul amanah aqidah Nabi Ibrahim dan anak cucunya, dan bukannya mereka yang ingkar. Selepas itu, bermulalah *siyaq* yang ditujukan kepada Nabi S.A.W dan masyarakat Islam yang menunjukkan tatacara sebagai khalifah di muka bumi ini dengan hidup berpandukan manhaj aqidah dan ibadah yang sah kepada Allah Taala. Justeru, bermulalah ayat-ayat berkaitan hukum hakam dan muamalat antaranya halal dan haram dalam makanan dan minuman, hakikat sesuatu perkara yang dianggap sebagai kebaikan, hukum qisas, wasiat, puasa, jihad, haji, perkahwinan, talak dan hal ehwal kekeluargaan, serta hukum berkaitan bab muamalat seperti sedekah, jual beli, riba, hutang dan perniagaan (Sayyid Qutb, 2004, h. 34). Oleh sebab itu juga Ibn Kathir menyatakan bahawa tema utama surah ini adalah *istikhlaf* iaitu taklifan kepada manusia yang bertanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi Allah S.W.T ini (Ibn Kathir, 1999, 1/36).

Dan pada akhir surah, ianya memiliki munasabah atau kaitan dengan awal surah di mana pada bahagian penutup, Allah Taala menerangkan tabiat orang yang beriman akan sentiasa yakin dengan risalah kenabian para Nabi, juga terhadap perkara-perkara yang ghaib dengan patuh dan taat (Sayyid Qutb, 2004, h. 35). Syeikh Abdullah Darraz (2005, h. 196) pula memberikan kesatuan tema secara lebih terperinci berbanding Sayyid Qutb. Beliau membahagikan surah *al-Baqarah* ini kepada pendahuluan surah, 4 tema dan penutup. Bahagian pendahuluan adalah pengenalan tentang al-Quran sebagai kitab hidayah bagi yang tidak ragu-ragu dengan kebenarannya yang bermula dari ayat pertama sehingga 20. Tema pertama adalah tentang dakwah kepada manusia secara keseluruhannya supaya menerima Islam sebagai cara hidup, iaitu dari ayat 21 hingga 25. Darraz menyimpulkan bahawa melalui tema pertama ini, terdapat 3 rukun dalam aqidah Islam yang perlu dipegang dan diyakini oleh umat manusia (Abdullah Darraz, 2005, h. 208);

1. Supaya mereka tidak mengabdikan diri kepada sesuatu yang lain kecuali kepada Allah dan tidak mensyirikkan Allah dengan yang lain.
2. Supaya mereka beriman dengan kitab yang telah diturunkan kepada pesuruh-Nya.
3. Supaya mereka takut dan gerun dengan azab Allah dan mencari syurga-Nya.

Tema yang kedua ialah seruan khusus kepada ahli kitab supaya meninggalkan kepercayaan mereka dan menerima aqidah Islam sebagai yang benar. Tema kedua ini merangkumi ayat 40 hingga 162, yang memperihalkan kisah dan serangan terhadap bani Israil. Tema ketiga pula adalah menerangkan syariat Islam secara terperinci yang berkaitan dengan ayat-ayat hukum daripada ayat 163-283. Tema keempat pula menerangkan perkara penting yang perlu dipelihara dalam agama dan larangan daripada melanggarnya. Tema ini hanya dari ayat 284-286 sebagai penutup surah. Pembahagian kesatuan tema oleh Abdullah Darraz ini dilihat lebih fokus dan terus kepada ayat secara lebih spesifik.

Situasi Khusus Surah Al-Baqarah

Sayyid Qutb berpendapat bahawa aspek *jaww al-surah* atau suasana khusus dalam sesuatu surah berkait dengan dua keadaan atau perkara;

- i. *Jaww al-surah* yang terbina berasaskan *mehwar* atau kesatuan tema surah sebagaimana dinyatakan sebelum ini.
- ii. *Jaww al-surah* yang terkait dengan sabab *nuzul* ayat, serta keadaan surah itu sama ada surah *makkiyyah* dan *madaniyyah*.

Mengetahui *sabab nuzul* dan *ayat makkiah* dan *madaniyyah* sesuatu ayat al-Quran adalah sangat penting bagi membantu pentafsiran sesuatu ayat. Sayyid Qutb turut menarik perhatian pembaca bahawa dengan mengetahui kedua-dua perkara tadi, pembaca boleh menggambarkan situasi yang berlaku, sekaligus mampu cuba memahami emosi dan jiwa mereka yang terlibat ketika sesuatu ayat diturunkan. Hal ini akan memberikan hubungan yang kuat antara kesatuan tema surah dengan suasana khusus ketika sesuatu ayat diturunkan, di samping kesesuaiannya dengan kedudukan dan pemilihan perkataan yang tepat pada ayat. Hubungan inilah yang menonjolkan *syakhsyiyah al-surah*.

Oleh sebab surah *al-Baqarah* ini adalah surah yang terpanjang serta memiliki kepelbagaian topik di dalamnya, sudah pastilah ia memiliki pelbagai sebab nuzul bagi ayat-ayat yang berkaitan. Justeru, untuk melihat situasi khusus surah ini secara keseluruhan adalah sesuatu yang sukar berbanding surah-surah yang pendek atau yang turun sekaligus. Justeru, Sayyid Qutb mengambil pendekatan untuk menzahirkan situasi khusus surah ini secara umum dengan mengaitkan peristiwa yang berlaku ini diturunkan dengan kesatuan tema surah ini.

Dalam surah *al-Baqarah* ini, Sayyid Qutb secara khusus cuba membawa gambaran dan situasi sebelum surah ini diturunkan, dengan menyorot semula ujian-ujian yang dihadapi oleh kaum Muslimin ketika di Mekah khususnya selepas kewafatan Saidatina Khadijah R.A dan Abu Talib, baginda mula mencari ruang lain untuk menyampaikan dakwah dan mendapatkan perlindungan dengan merancang dakwah ke Habsyah dan Taif. Kemudian Allah melorongkan jalan kemenangan kecil melalui perjanjian Aqabah yang pertama dan kedua, yang menjadi asas kepada peristiwa hijrah Nabi S.A.W dan kaum Muslimin ke Madinah. Sudah tentunya, situasi-situasi ini memberikan pengalaman-pengalaman serta ujian yang baru kepada Baginda S.A.W dan para sahabat, khususnya apabila berhadapan dengan suasana kehidupan baru di Madinah, dengan kelompok masyarakat yang berbeza dengan yang ada di Mekah.

Dari angkatan pertama Muhajirin dan Ansar inilah terbentuknya satu angkatan kaum Muslimin yang terpilih dan istimewa yang disanjung tinggi oleh al-Quran dalam pelbagai surah. Justeru, didapati surah ini dimulakan dengan penjelasan mengenai asas keimanan yang menggambarkan sifat-sifat orang mukmin yang sebenar yang hakikatnya menjelaskan sifat kaum Muslimin yang ada di Madinah ketika itu (Sayyid Qutb, 2004, h. 30). Selain itu, surah ini juga bertujuan untuk menolak dakwaan golongan pemimpin dan rahib Yahudi yang menentang kerasulan Nabi S.A.W, juga sekaligus menempelak golongan munafik yang cenderung kepada mereka. Justeru, penolakan ini disampaikan oleh Allah melalui surah ini sama ada dengan kaedah *targhib*, *tarhib*, atau melalui keterangan yang panjang lebar dan terperinci.

Kesinambungan Nada Bunyi Ayat Dalam Surah Al-Baqarah

Surah *al-Baqarah* adalah termasuk dalam kategori surah *Madaniyyah* menurut pandangan ulama' (Al-Zarkasyi, 1957, 1/187). Salah satu ciri umum ayat-ayat bagi surah *Madaniyyah* adalah uslub ayatnya yang lebih panjang, memiliki nada yang lembut dan tenang, ayat-ayatnya terperinci dan sering diungkapkan janji kejayaan dan kemenangan buat orang-orang Islam (Al-Kaylani, 1985, h. 196). Begitulah gaya persembahan keseluruhan ayat dalam surah ini, hatta ayat yang terpanjang dalam al-Quran iaitu ayat 282 berkaitan hutang juga terdapat dalam surah ini.

Ciri ini bersesuaian dengan kesatuan tema yang dinyatakan oleh para ulama sebelum ini, yang sememangnya memerlukan kepada penjelasan, huraian, dan keterangan yang terperinci dan jelas. Dalam masa yang sama, Allah Taala mempersembahkan ayat-ayat-Nya dalam surah ini dalam pelbagai uslub dan pendekatan sesuai dengan makna sebenar yang ingin disampaikan. Aspek pemilihan perkataan, gaya bahasa dan sistem struktur ini yang membentuk dan menzahirkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri. Justeru, berikut dinyatakan beberapa contoh pendekatan serta gaya bahasa yang terdapat dalam surah ini, berdasarkan keistimewaan uslub al-Quran yang dinyatakan oleh Syekh Abdullah Darraz (2005).

1. Lafaz yang memiliki maksud tertentu dan menyempurnakan makna sebenar.

Pelbagai pendekatan al-Quran boleh dikaitkan dengan uslub yang pertama ini, antaranya kalimah yang memiliki banyak makna atau *al-musyarak*. Sebagai contoh penggunaan perkataan (ريب) dalam ayat kedua surah al-Baqarah memberi makna keraguan yang disertai dengan tohmahan (Fadhl Hassan Abbas, 2009, h.68).

Al-amthal atau perumpamaan dalam ayat al-Quran. Banyak ayat dalam surah ini yang dipersembahkan dalam bentuk perumpamaan sebagai contoh perumpamaan tentang orang yang berinfak di jalan Allah dalam ayat 261;

“مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ”

Ayat 68 tentang sifat lembu yang diperintahkan kepada bani Israil untuk mencarinya;

“إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بَكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ... الآية”

Ayat 261 iaitu perumpamaan tentang sangkaan umat Islam terhadap kefardhuan jihad.

“وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ... الآية”

2. Kepelbagaian *khitab* umum dan khusus.

Didapati bahawa surah ini memiliki kepelbagaian *khitab* yang sangat unik. Sebagai sebuah surah *Madaniyyah*, *khitab* umum yang digunakan bukan hanya tertumpu kepada (يأيها الذين آمنوا) semata-mata, namun juga (يأيها الناس). Selain itu menurut Abdullah Darraz (2005, 221), salah satu keindahan penggunaan *khitab* (يا بني إسرائيل) dalam surah ini adalah menunjukkan seruan Allah kepada mereka dengan nama dan gelaran yang paling baik buat mereka, serta dengan gelaran semulia-mulia keturunan. Ini bertujuan agar mereka menyempurnakan janji mereka kepada Allah sebagaimana Allah Taala telah menyebutkan segala nikmat yang telah diberikan kepada mereka sebelum itu.

3. Menepati logik akal dan menghiburkan jiwa dan perasaan.
Al-Quran itu isi kandungannya secara keseluruhan adalah sesuatu yang boleh difikirkan oleh manusia keseluruhannya. Begitu juga segala syariat yang terkandung di dalam surah ini, segala-galanya memiliki hikmah yang terbaik buat umat manusia. Segala ayat-ayat berkaitan hukum hakam dan muamalat antaranya halal dan haram dalam makanan dan minuman, hakikat sesuatu perkara yang dianggap sebagai kebaikan, hukum qisas, wasiat, puasa, jihad, haji, perkahwinan, talak dan hal ehwal kekeluargaan, serta hukum berkaitan bab muamalat seperti sedekah, jual beli, riba, hutang dan perniagaan, pasti akan dinyatakan *illah* atau sebab pensyariatannya oleh Allah Taala supaya manusia berfikir tentangnya.
4. Keterangan yang mendalam dan ringkas.
Sememangnya sifat kebanyakan ayat-ayat di dalam surah *al-Baqarah* memiliki penjelasan yang mendalam atau *al-bayan*. Hal ini sesuai dengan sifatnya sebagai surah *Madaniyyah* yang bertujuan untuk memberikan keterangan dan kefahaman terhadap situasi, hukum atau perihal daripada sesuatu ayat. Walau bagaimanapun, terdapat juga ayat atau kalimah yang bersifat ringkas atau *ijmal* yang membawa kepada unsur *mutasyabih* atau kesamaran dari sudut maknanya. Sebagai contoh kalimah (قروء) yang membawa kepada perbezaan tafsiran antara haid atau suci.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa *syakhsiiyyah al-surah* adalah lebih umum dari kesatuan tema atau *al-wihdah al-maudhu'iiyyah*. Aspek-aspek yang membina *syakhsiiyyah al-surah* ini ditunjangi oleh kesatuan tema atau *al-wihdah al-maudhu'iiyyah* itu sendiri, di samping situasi khusus surah atau jaww *al-surah*, serta nada bunyi tertentu yang terhasil dari susunan perkataan yang tepat maknanya iaitu *iqā' musiqiy*. Surah *al-Baqarah* adalah surah terpanjang serta mengandungi kepelbagaian topik yang ditunjangi dengan jaminan kemuliaan al-Quran serta sifat-sifat orang yang bertaqwa secara ringkas, diikuti penerangan khusus tentang sifat golongan-golongan penentang Islam iaitu golongan munafiq, Yahudi dan Nasrani. Surah ini dipenuhi selepas itu dengan hukum syariat yang pelbagai secara terperinci bersesuaian dengan *jaww al-surah* (situasi khusus surah) yang mengambil masa penurunan yang lama sehingga fasa-fasa akhir kehidupan Nabi SAW. Dari sudut *iqā' musiqiy* atau nada bunyi ayat bai surah ini, ayat-ayatnya lebih panjang dan terperinci serta disertakan dengan janji kejayaan dan kemenangan buat para orang beriman. Ciri ini bersesuaian dengan kesatuan tema yang dinyatakan oleh para ulama sebelum ini, yang sememangnya memerlukan kepada penjelasan, huraian, dan keterangan yang terperinci dan jelas.

Rujukan

- 'Abd al-Hamid al-Farahi. (1388H) *Dala'il al-Nizam*, cet. ke-1. Azmagarh: Daerah Hameedia.
- Abdullah al-Khatib, Mustafa Muslim. (2005). *Al-Munasabat wa Atharaha 'Ala Tafsir al-Quran al-Karim*, *Majallah Jami'ah al-Syariqah li al-'Ulum al-Syar'iiyyah al-Insaniyyah*, 3(2), 35-60.
- Abu 'Amru al-Dani. (1994). *Al-Bayan fi 'Ad Ayi al-Quran*, Kuwait: Mansyurat Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Wathaiq.
- Adnan Muhammad Zarzur. (1998). *Madkhal Ila Tafsir al-Quran wa 'Ulumih*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Biqā'iy, Abu al-Hasan Ibrahim ibn 'Umar. (2003). *Nazm al-Durar*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Al-Jurjani, Abdul Qahir. (2004). *Dalail al'I'jaz*, Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Al-Kaylani. (1985). *Ulum al-Qur'an Thaqafah Takhassusiyyah*, Oman: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim.
- Al-Khalidi, Solah. (2012). *Sayyid Quthb al-Syahid al-Hayy*, Amman: Maktabah al-Aqsa.
- Al-Khalidi, Solah. (2008). *Al-Tafsir al-Maudhu'iy Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Khalidi, Solah. (2012). *al-Manhaj al-Haraki fi Zilal al-Quran*. Amman: Dar Ammar.
- Al-Khalidi, Solah. (2012). *Madkhal Ila Zilal al-Quran*. Amman: Dar Ammar.
- Al-Kumiy, Ahmad al-Sayid. (1980). *al-Tafsir al-Maudhu'iy li al-Quran al-Karim*, Kaherah: Dar al-Huda.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1967). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Razi. (2002). *Tafsir Mafatih al-Ghai*. Beirut: al-Matba'ah al-Syarfiyyah.
- Al-Rumi, Fahd Ibn Abdul Rahman Ibn Sulayman. (1997). *Itijahat al-Tafsir fi al-Qarn al-Rabi'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abdurrahman (2007). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abdurrahman (1986). *Tanasuq al-Durar fi Tanasub al-Suwar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkasyi. (1957). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*, Kaherah: Dar al-Ihya' al-'Arabiyyah.
- Burhanudin Ibarahim Al-Biqā'i. (2006). *Nazmu al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar*, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Fadhl Hasan Abbas. (2000). *Qadhaya Quraniyyah fi al-Mawsu'ah al-Britaniyyah*. Amman: Dar al-Fatih.
- Fadhl Hassan Abbas. (1985). *Al-Qasas al-Quraniy: Ithauhu wa Nafahatuhu*, Amman: Dar al-Furqan.
- Fadhl Hassan Abbas. (2009). *I'jaz al-Quran al-Karim*, Amman: Dar al-Nafais.
- Fadhl Hassan Abbas. (2010). *Itqan al-Burhan fi Ulum al-Quran*, Amman: Dar al-Nafais.
- Husna Husain (2015). "*Aara' Sayyid Quthb Fi Qadhaya al-Mar'ah min Khilal Tafsir Fi Zilal al-Quran*", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Tafsir dan Ulum al-Quran, Kulliyah Syariah, Universiti Jordan).
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Beirut: Dar Taibah li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim. (1992). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir.
- Israr Ahmad Khan. (2002). *Coherence In The Quran: Principles and Applications*, Intellectual Discourse, International Islamic University Malaysia, 10(1), 47-60.
- M. Quraisy Syihab. (1995). *Membumikan Al-Quran*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Mahmud Salim Ubaidat. (1990). *Dirasat fi Ulum al-Quran*, Amman: Dar 'Ammar.
- Manna' Qattan. (1997). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mohd. Farid Ravi. (2015). Syekh Abd al-Hamid al-Farahi, Hayatuhu fi Majal al-Dirasat al-Quraniyyah, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Syah*, 2(2), 87-90.
- Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2013). *Munasabat al-Quran: Analisa Dari Aspek Keindahan dan Prospek Masa Hadapan*, *Jurnal Al-Bayan*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 11(1), 66.
- Muhammad Rashid Redha. (1999). *Tafsir al-Manar*. Beirut: dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Abdullah Darraz. (2005). *al-Naba' al-'Azhim*, Beirut: Dar al-Qalam.
- Mustafa Muslim. (2005). *Mabahith fi al-Tafsir al-Maudhu'iy*, Amman: Dar al-Qalam.
- Mustansir Mir. (2013). Continuity, Context, And Coherence In The Qur'an: A Brief Review Of The Idea Of *Nazm* In *Tafsir* Literature. *Jurnal Al-Bayan*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 11 (Jun), 15-29.

- Nail Mamduh. (2006). *Dirasat Tatbiqiyah 'Ala Manahij al-Bahs fi al-Tafsir al-Maudhu'iy*. Amman: Matba'ah al-Azhar.
- Qutb, Sayid. (2004). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Qutb, Sayyid. (2004). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Qutb, Sayyid. (1975). *al-Taswir al-Fanniy fi al-Quran*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Rif'at Fauzi Abdul Muttalib. (1986). *Al-Wihdah al-Maudhu'iyah li al-Surah al-Quraniyyah*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Sa'id Hawwa. (1989). *Al-Asas fi al-Tafsir*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Salwa M. S. El-Awa. (2006). *Textual Relations in the Quran: Relevance, Coherence and Structure*, New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Siti Mulazamah. (2014). *Konsep Kesatuan Tema al-Quran Menurut Sayyid Qutb*, Journal of Quran and Hadith Studies, 3(2), 203-234.
- Tantawi, Muhammad Sayid. (2007). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Sa'adah.
- Tariq Mustafa. (2007). *Al-Tanasub fi Surah Al-Baqarah*, (Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Amman: Universiti Jordan.
- Taufiq Abdullah. (2000). *Ensiklopedi Islam Jilid 2*. Jakarta; PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Zulkifli Mohd Yusoff. (1993). "Munasabat: Satu Bahagian Daripada Pengajian al-Qur'an.